Free Malaysia Today

# RM1 juta kepada PBT sedia kawasan khas merokok




PUTRAJAYA: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan memperuntukkan RM1 juta kepada 155 pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara untuk menyediakan kawasan khas merokok untuk kedai-kedai makan di kawasan masing-masing.

Menteri Zuraida Kamaruddin berkata PBT akan kemukakan satu garis panduan yang telah disediakan dalam masa terdekat untuk pemilik-pemilik kedai makan yang mahu memohon PBT sediakan kawasan khas merokok.

"Kawasan khas merokok yang disediakan hendaklah berada di luar premis dan sekurang-kurangnya 3 meter dari meja makan yang terdekat dan sebarang makanan atau minuman tidak boleh disediakan, dijual atau dihidang di dalam kawasan merokok tersebut bagi mematuhi peraturan Kementerian Kesihatan Malaysia," katanya pada sidang media hari ini.

Pada 5 Januari lalu, Timbalan Menteri Kesihatan Dr Lee Boon Chye berkata premis makanan tidak dibenarkan menyediakan ruang khas untuk merokok buat pelanggan di dalam kawasan operasi perniagaan.

Peraturan itu termasuk dalam arahan yang menetapkan 3 meter atau 10 kaki dari kedai makan dan restoran terbuka sebagai jarak kawasan larangan merokok.

Menurut Lee, ruang khas merokok di luar kawasan itu bawah bidang kuasa PBT.